

KENYATAAN MEDIA

10 NOVEMBER 2022

## **ST Tauliah Institusi Latihan dan Orang Kompeten Elektrik**

**Kota Bharu, 10 November** – Suruhanjaya Tenaga (ST) menganjurkan Majlis Penganugerahan Sijil Pentauliah Institusi dan Perakuan Kekompetenan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada institusi yang ditauliah dalam melaksanakan kursus kekompetenan dan peperiksaan di Malaysia, khususnya bagi Pendawai Elektrik (PW), Penjaga Jentera Elektrik (PJE) dan Pencantum Kabel (PK).

Pengiktirafan kepada institusi bertauliah ST ini adalah bagi mendidik dan mempromosikan keselamatan elektrik kepada para pelajar bagi melahirkan lebih ramai orang-orang kompeten elektrik yang bukan sahaja berpengetahuan, berkemahiran malah berkualiti di pasaran negara.

Merasmikan majlis penganugerahan itu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, penganjuran Majlis Penganugerahan Sijil Pentauliah Institusi dan Perakuan Kekompetenan diharap dapat meningkatkan lagi kesedaran di kalangan pihak institusi untuk mengutamakan aspek keselamatan elektrik selaras dengan Kod, Arahan dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh ST, dalam mengendalikan kursus kekompetenan dan peperiksaan kekompetenan oleh institusi masing-masing.

Beliau berkata ia selaras dengan fungsi ST yang bertanggungjawab memantau dan mengaudit institusi latihan bertauliah serta meluluskan perakuan orang kompeten elektrik bagi memastikan institusi-institusi latihan mematuhi semua syarat pentauliah yang ditetapkan oleh ST dalam melahirkan orang-orang kompeten yang peka akan amalan-amalan selamat, khususnya dalam bidang elektrik.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

“Saya yakin bahawa dengan penglibatan institusi-institusi pendidikan yang ditauliah oleh ST, dan disokong dengan peranan orang-orang kompeten yang bertanggungjawab dalam memastikan kerja-kerja elektrik dijalankan berdasarkan Akta dan Peraturan ini mampu untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.

Sehingga Oktober 2022, ST telah mengeluarkan sebanyak 140 sijil pentauliahkan kepada institusi latihan di seluruh Malaysia bagi menjalankan kursus peperiksaan Pendawaian Elektrik, Penjaga Jentera Elektrik dan Pencantum Kabel. Di samping itu, secara keseluruhan, terdapat seramai 100,727 pemegang Perakuan Kekompetenan yang aktif sehingga September 2022.

Untuk makluman lanjut, sila layari laman sesawang ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi Unit Kekompetenan Elektrik, Jabatan Kawal Selia Keselamatan di talian 03-8870 8630/8617.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: [azlinamj@st.gov.my](mailto:azlinamj@st.gov.my)/[noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my)/[harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.